

KOMUNIKASI MESRA MELALUI MEDIA PERANTARAAN DALAM PERKAHWINAN : SATU KAJIAN KES DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Raha Radzi¹ dan Lt. Kol. Salihudin Daud²

¹Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
raharadzi@yahoo.com

ABSTRAK

Komunikasi mesra merupakan kualiti utama bagi mewujudkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan yang harmoni dan bahagia. Penggunaan teknologi komunikasi yang berkesan penting bagi mencapai matlamat dan falsafah bagi sesebuah ikatan perkahwinan. Kajian ini penting dalam usaha memahami dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai peranan teknologi komunikasi yang paling efektif dalam proses berkomunikasi dalam kalangan suami dan isteri. Kertas kerja ini ingin melihat penggunaan teknologi komunikasi dalam membina komunikasi mesra dalam perkahwinan. Seramai lima belas orang suami atau isteri telah ditemu bual secara mendalam berdasarkan soalan separa-struktur dan soalan terbuka yang telah diuji sebelumnya. Temu bual dirakam, ditranskripsikan, dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Terdapat beberapa tema berjaya dikenal pasti dari kajian ini. Ianya dikategorikan kepada beberapa tema utama seperti telefon bimbit didapati sangat popular di kalangan suami dan isteri berbanding lain-lain teknologi seperti telefon talian tetap dan Internet. Penggunaan telefon bimbit mudah digunakan, senang dibawa ke mana-mana, sebagai pengganti diri, kosnya munasabah, banyak faedahnya, dapat berhubung dengan pasangan, dan sebagainya. Kajian ini menggunakan *Teori Penerimaan Teknologi* yang dipelopori oleh Fred Davis dan Richard Bobagozzi pada tahun 1987. Di dalam teori tersebut, dinyatakan bahawa sesuatu teknologi baru akan mudah diterima masyarakat sekiranya *ia mudah digunakan dan ianya sangat penting dan berguna*. Kajian ini telah mengukuhkan lagi dua konstruk baru. Konstruk tersebut telah diperkenalkan oleh Siti Zobidah dan Mariah (2004) iaitu sesuatu teknologi akan senang diterima oleh masyarakat jika *kosnya munasabah dan ia dapat memenuhi kehendak emosi, intelektual dan fizikal penggunaannya*.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Alam perkahwinan menjadi semakin mencabar dan kompleks terutama di zaman yang serba canggih dengan teknologi terkini. Pasangan suami isteri didedahkan dengan pelbagai kembangan mengenai penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) seperti telefon bimbit, internet, faksimili dan sebagainya. Oleh itu, golongan ini tentu sekali memerlukan media perantaraan yang dapat menyemarakkan hubungan yang dibina agar semakin mantap dan berkekalan sehingga ke akhir hayat.

Tidak dinafikan bahawa secara tradisional bentuk komunikasi bersemuka adalah yang terbaik di kalangan suami dan isteri untuk berinteraksi dengan lebih berkesan. Segala luahan rasa atau pandangan dapat difahami dengan lebih jelas serta cepat melalui nada suara dan bahasa badan oleh pasangan (Musa, 2002). Kebahagiaan dalam perkahwinan sering diukur melalui kualiti dalam berkomunikasi yang dapat mewujudkan kemesraan, kasih sayang dan persefahaman (Wallerstein, 2009). Namun begitu, akibat

peningkatan taraf hidup dan pendidikan tidak kira sama ada suami atau isteri masing-masing mempunyai kerjaya. Hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk bersemuka. Lantaran itu, semakin ramai individu yang telah berkahwin turut tidak ketinggalan menggunakan teknologi komunikasi sebagai media perantaraan dalam melancarkan urusan harian terutama yang melibatkan proses berkomunikasi.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini difikirkan penting dilakukan kerana terdapat berbagai-bagai pendapat dan pandangan berkaitan penggunaan teknologi komunikasi dalam institusi perkahwinan. Dari pemerhatian yang dilakukan di sekitar kawasan Lembah Klang (Selangor) di dapati pasangan suami isteri yang berkerjaya tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk bersama-sama. Mereka berhadapan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan. Umpamanya, kakitangan awam dan swasta di kota raya besar yang telah mendirikan rumah tangga perlu bijak menyeimbangkan tanggungjawab berkeluarga mahupun kerjaya.

Wujud situasi di mana pasangan yang telah berkahwin berusaha meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan cuba menyelesaikan konflik dengan lebih efektif. Justeru itu, untuk mendapatkan kepastian yang lebih jelas sewajarnya satu kajian yang berkaitan penggunaan teknologi komunikasi sebagai media perantaraan bagi mewujudkan komunikasi mesra dalam perkahwinan seharusnya dilakukan. Banyak kajian dan penulisan berkaitan media perantaraan dalam berkomunikasi di kalangan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini khususnya golongan remaja dan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah dikaji. Sedangkan dalam masa yang sama suami isteri tidak ketinggalan dan berkemampuan menggunakan teknologi komunikasi dalam urusan kehidupan seharian mereka. Tambahan pula golongan ini turut merasai arus pemodenan yang begitu pesat khususnya di sekitar kawasan bandar. Setakat ini tidak banyak pendedahan maklumat mengenai tujuan, bentuk-bentuk komunikasi dan keadaan yang menggalakkan penggunaannya. Faktor kesibukan dan tekanan kerja menyebabkan pasangan tersebut berhadapan dengan pelbagai cabaran apabila menggunakan teknologi komunikasi ini turut menjadi tanda tanya sehingga kini. Sehubungan dengan itu, pengkaji yakin kajian ini dapat memahami penggunaan teknologi komunikasi sebagai media perantaraan untuk komunikasi mesra dalam perkahwinan. Diharap hasil kajian ini dapat disumbangkan kepada bidang ilmu pengetahuan dan ke arah memantapkan lagi institusi perkahwinan yang unggul .

Justeru itu, kajian ini diharap dapat menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- 1). Apakah teknologi komunikasi yang digunakan dalam komunikasi mesra di kalangan suami isteri ?

- 2). Apakah faktor-faktor yang menggalakkan penggunaan teknologi komunikasi oleh pasangan suami isteri?

3). Apakah kepentingan teknologi komunikasi terhadap komunikasi mesra oleh suami isteri?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini juga akan dilakukan dengan beberapa tujuan. Kertas kerja ini ingin melihat penggunaan teknologi komunikasi dalam membina komunikasi mesra dalam perkahwinan.

Objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

- 1). Untuk mengkaji teknologi komunikasi yang digunakan dalam komunikasi mesra di kalangan suami isteri.
- 2). Untuk melihat faktor-faktor yang menggalakkan penggunaan teknologi komunikasi oleh pasangan suami isteri.
- 3). Untuk mengetahui kepentingan teknologi komunikasi terhadap komunikasi mesra oleh suami isteri.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana ia meninjau dan mendapatkan maklumat mengenai penggunaan teknologi komunikasi di kalangan suami atau isteri yang bekerja atau belajar di Lembah Klang (Selangor) dalam menyemarakkan komunikasi mesra di kalangan mereka.

Melihat pada aspek teoritikal, kajian ini bakal mendalami Teori Penerimaan (TPT) yang telah diperkenalkan oleh Fred Davis dan Richard Bobagozzi pada tahun 1987. Ia juga bakal menguji dan mengukuhkan lagi kontrak baru oleh Siti Zobidah dan Mariah (2004).

Selain itu, kajian ini dirasakan wajar dilakukan untuk memperoleh gambaran yang lebih adil daripada perspektif suami atau isteri itu sendiri. Pasangan suami isteri mungkin mempunyai persepsi tersendiri tentang teknologi komunikasi mempunyai makna yang lebih daripada hanya salah sebuah alat komunikasi. Mereka juga mungkin memperoleh banyak manfaat dengan adanya teknologi komunikasi sebagai media perantaraan berbanding keadaan sebelumnya.

SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Kajian ini dibuat di kalangan kakitangan awam, swasta dan para pelajar yang telah berkahwin di sekitar negeri Selangor. Mereka dipilih menjadi informan kajian adalah kerana didapati ramai di kalangan mereka sudah mendirikan rumah tangga. Malahan, pasangan hidup mereka rata-ratanya turut mempunyai kerjaya sendiri. Penglibatan para informan adalah secara sukarela.

Pemilihan informan ini dibuat kerana ia memudahkan pengkaji menjalankan kajian dan secara tidak langsung turut membuat pemerhatian. Pengkaji juga merupakan seorang pengajar dan kakitangan awam telah lama membuat pemerhatian awal ke atas fenomena yang ingin dikaji.

SOROTAN LITERATUR

Komunikasi Berasaskan Media

Komunikasi diistilahkan sebagai proses perkongsian maklumat, pengetahuan atau mesej di antara sumber dan penerima dengan menggunakan saluran tertentu sebagai media perantaraan (Musa, 2002). Rogers (2006) mentakrifkan teknologi komunikasi sebagai alat perkakasan, struktur organisasi dan nilai-nilai sosial yang dialami oleh individu semasa mengumpul, memproses dan bertukar-tukar informasi dengan individu lain.

Ia bermaksud suatu bentuk berkomunikasi dengan menggunakan media sebagai perantaraan di antara seseorang individu dengan individu lain selain teknik berkomunikasi secara bersemuka. Contohnya, e-mel, *facebook*, telefon, atau mesin faks. Teknologi komunikasi mampu untuk menyalurkan maklumat komunikasi interpersonal. Ia menggalakkan interaksi secara aktif dan membantu perhubungan berterusan. Terdapat bukti bahawa seseorang itu boleh dan mampu membina perhubungan lebih bermakna walaupun melibatkan jarak lokasi beribu batu daripada pasangannya (Brodsky, 2010). Melalui teknologi ini ia dapat menimbulkan perasaan atau emosi, minat dan perhatian terhadap seseorang walaupun ia mengambil masa yang agak lama berbanding komunikasi bersemuka yang dibantu oleh bahasa badan secara semula jadi.

Mark dan rakan-rakan (2006) mempunyai pandangan yang berbeza. Tiada medium lain yang lebih berkesan berbanding komunikasi bersemuka (*face-to-face*). Individu yang berinteraksi secara bersemuka berpeluang untuk saling memahami dan merasai mesej yang ingin disampaikan melalui gerak gaya muka, badan, warna, bau dan penampilan dengan efektif.

Teknologi Komunikasi

Walaupun sudah berlaku perkembangan pesat, namun teknologi komunikasi masih lagi mengekalkan konsep komunikasi konvensional yang melibatkan penghantaran, penerimaan, mesej dan medium tertentu, tetapi aplikasinya ternyata telah banyak berubah. Keperluan alat untuk berkomunikasi sama ada dalam bentuk tradisional mahupun teknologi baru telah mengalami perubahan dan perkembangan pesat berikutan penciptaan dan penggunaan mengikut era terkini. Sememangnya ia telah mengubah banyak penciptaan manusia demi menjamin kehidupan yang lebih selesa (Gehris dan rakan, 2009).

Teknologi moden menjadikan interaksi manusia semakin mudah, cepat dan berkesan. Perkembangan teknologi yang pesat juga secara tidak langsung menjadikan dunia ini semakin mencabar khususnya dalam bidang komunikasi. Proses komunikasi yang pada suatu ketika dianggap sebagai satu kegiatan yang berlaku secara sehalu, telah berubah kepada dua hala malah ia semakin meluas dan kompleks daripada itu (Hauser, 2007).

Kewujudan produk telekomunikasi elektronik memainkan peranan penting dalam komunikasi secara berkesan dan lebih fleksibel agar perhubungan antara manusia dipermudahkan. Produk telekomunikasi elektronik merangkumi barangan seperti mesin faks, intercom, telefon bimbit dan sebagainya (Person dan Nelson, 1997).

Siti Zobidah Omar (2000) dalam kajian beliau tentang makna telefon kepada golongan wanita menunjukkan bahawa alat komunikasi tersebut mempunyai makna yang sangat luas. Wanita menganggap telefon adalah satu keperluan, bukan lagi barang mewah. Golongan wanita yang dikaji juga menunjukkan mereka akan merasa tenang jika mereka memiliki telefon di rumah kerana mereka boleh menghubungi mana-mana ahli keluarga dan juga rakan, atau dihubungi oleh orang lain.

Kajian yang sama juga menunjukkan telefon rumah bukan sekadar alat komunikasi tetapi ia merupakan mesin pemudah dalam kehidupan. Ini kerana mengikut pendapat responden yang ditemu bual, mereka boleh menjimatkan masa untuk memperoleh sesuatu maklumat dalam melaksanakan tugas mereka yang berbagai-bagai seperti sebagai isteri, ibu, anak kepada ibu bapa yang sudah uzur, dan sebagai pekerja dalam sektor kerajaan dan swasta. Dalam konteks ini, telefon rumah merupakan alat yang memanjangkan tanggungjawab golongan wanita untuk keluarga. Telefon juga dalam hal ini dianggap sebagai alat yang mengekalkan hubungan kekeluargaan kerana di mana sahaja mereka berada, mereka masih boleh berhubung dengan keluarga mereka di rumah.

Telefon bimbit muncul kesan dari inovasi teknologi komunikasi yang canggih yang bermula dari negara-negara maju dan menyerap masuk ke negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Alat komunikasi ini merupakan salah satu daripada teknologi moden untuk membolehkan manusia berkomunikasi dengan cepat, meluas, mudah, dan kos yang mampu ditangani. Dari fungsi asas hanya untuk bercakap menggunakan suara, telefon bimbit kemudiannya menambahkan ciri-ciri keupayaan untuk berkomunikasi dengan kaedah-kaedah lain seperti pengiriman dan penerimaan mesej

dalam bentuk teks, gambar, bunyi-bunyian, logo serta keupayaan mengakses Internet. Fungsi ini juga turut diperluaskan lagi dengan adanya usaha penambah-baikkkan seperti memperkemaskan sistem pemprosesan komputer, teknologi bateri, rekabentuk, saiz, kaedah pemprosesan dan penyaluran maklumat digital yang baru (Milnes, 2001).

Perkhidmatan telefon di Malaysia adalah antara yang terbaik di rantau Asia Tenggara. Kajian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada tahun 2005 berkaitan telefon bimbit di 15 buah negeri di Malaysia telah melaporkan bahawa pengguna telefon bimbit di negara ini untuk tahun 2005 ialah seramai 16.2 juta orang. Ia merangkumi pengguna yang menggunakan perkhidmatan bayaran bil bulanan dan prabayar bagi talian Maxis (012 dan 017), Celcom (013 dan 019) dan Digi (016). Pengguna paling ramai di Malaysia ialah di Selangor iaitu sebanyak 24.7 peratus, Johor mencatat 13.7 peratus dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memperoleh 9.7 peratus orang pengguna. Kajian tersebut juga membuktikan bahawa golongan dewasa yang berusia 20 tahun sehingga 49 tahun merupakan pengguna yang paling ramai memiliki dan menggunakan telefon bimbit dengan mencatat 78.2 peratus. Diikuti oleh remaja iaitu sebanyak 13.1 peratus dan warga tua sebanyak 8.7 peratus (SKMM, 2005).

Komunikasi Keluarga

Kemesraan

Menurut Kathleen dan rakan-rakan (2009) menjelaskan bahawa dalam perkahwinan akan melibatkan beberapa perkara atau aktiviti yang menjadi rutin harian. Selain itu, ia juga memerlukan pasangan saling berinteraksi dan ada persefahaman untuk memastikan segala yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Hubungan mesra terjalin apabila hal-hal berkaitan urusan harian berjalan dengan lancar. Namun begitu, golongan lelaki dan wanita yang sudah berkahwin percaya bahawa emosi dalam berkomunikasi memainkan peranan penting. Faktor emosi dan perasaan dapat mempercepatkan proses perkembangan hubungan kemesraan atau keintiman di antara pasangan. Lantas, perkara ini banyak membantu mereka sekiranya berhadapan dengan masalah berkomunikasi dan pembuatan keputusan. (Burlison dan rakan-rakan, 1996).

Gottman (1979) dan Wallerstein (1995) berpendapat bahawa kasih sejati, persefahaman, bertanggungjawab terhadap pasangan dan keluarga serta saling berusaha untuk menjaga ikatan perkahwinan adalah elemen-elemen asas dalam membina kebahagiaan suami isteri. Apabila memperkatakan persoalan berkaitan kemesraan dalam perkahwinan pada kebiasaannya, pasangan tersebut mempunyai aliran pemikiran dan tindakan yang seiring dalam kebanyakan corak kehidupan yang mereka lalui bersama.

KRITERIA PENSAMPELAN

Jumlah sampel yang diambil adalah kecil dan mengikut kaedah penyelidikan kualitatif. Sampel ini merupakan pensampelan bertujuan yang dapat membimbing pengkaji untuk mendapatkan input dan maklumat terbaik di kalangan informan untuk dikaji. Sampel yang diambil mempunyai beberapa kriteria tertentu :

- kakitangan (awam atau swasta) atau pelajar
- sudah berkahwin sekurang-kurangnya lima tahun
- tinggal di Lembah Klang (Selangor)
- tidak kira suami atau isteri
- pasangan suami isteri yang bekerja
- tidak kira usia
- tidak kira bangsa atau agama
- tidak kira status sosial/akademik/politik

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif digunakan. Ia bertujuan untuk mendapatkan beberapa penjelasan dan memahami sesuatu perkara yang ingin dikaji. Pendekatan ini juga mampu memberikan penerangan, pentafsiran, dan menyediakan kefahaman yang luas tentang sesuatu perkara selain memperkenalkan bentuk tema dan kategori, serta mampu menyediakan keterangan yang terperinci tentang perkara yang dikaji (Meriam, 1998 & Ezzy, 2002).

Teknik pengutipan data yang digunakan di dalam kajian ini ialah **temubual bersemuka** dengan menggunakan soalan separa-struktur (semi-structured) dan soalan terbuka (open-ended question). Sampel dipilih dengan cara rawak.

Pengkaji mengambil masa selama tiga bulan untuk mendapatkan data-data kajian. Bermula pada 1 Mei 2012 sehingga 25 Julai 2012. Informan pertama merupakan seorang pelajar Master UPM, Serdang. Setelah berbual sekejap dalam telefon, pengkaji menemui siswazah tersebut di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK). Informan adalah pelajar master semester ketiga dari Fakulti Pendidikan, UPM.

Dua hari kemudian, pengkaji telah berjaya menemu bual seorang kakitangan awam dan seorang lagi pekerja syarikat swasta (sekitar Selangor) yang menyatakan kesudian untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Mereka menepati ciri-ciri yang dikehendaki dalam kajian ini.

Selepas itu, pengkaji menerima beberapa lagi panggilan telefon untuk menyertai kajian ini. Setelah diteliti dan menepati ciri-ciri yang dikehendaki, temu janji ditetapkan untuk ditemu bual. Secara keseluruhan, terdapat lima belas informan, 10 Melayu, 3 Cina dan 2 India. Daripada lima belas informan ini, 7 perempuan dan 8 lelaki. Secara umumnya, mereka mewakili daripada pelbagai golongan awam (10) dan swasta (5). Pengkaji mengambil jalan mudah, menampal notis dan menunggu panggilan telefon daripada mereka yang dengan rela hati mengambil bahagian.

Temubual bersemuka dilakukan dengan menggunakan soalan separa-struktur (semi-structured) dan soalan terbuka (open-ended question). Pengkaji juga telah membuat berbagai-bagai teknik *probing* semasa temu bual dijalankan untuk memastikan informan berupaya meluahkan pengalaman mereka yang sebenar dari segi penggunaan teknologi komunikasi dalam kehidupan berumah tangga. Jangka masa temu bual bagi setiap informan ialah dalam tempoh satu jam di mana selepas informan ke lima belas ditemu bual, pengkaji mendapati data yang diperoleh sudah tepu dan *exhaustive*. Pengkaji juga mendapati jawapan-jawapan dari temu bual sudah bertindan lapis dan sampai ke peringkat *point of saturation*. Oleh itu, pengkaji mengambil keputusan untuk berhenti membuat temu bual setakat informan ke lima belas sahaja. Temu bual ini direkodkan dalam pita rakaman dan di transkrip kata demi kata. Data kemudiannya di analisa menggunakan kaedah analisis tematik. Sementara nama-nama informan pula telah ditukarkan kepada nama lain bagi menjaga kerahsiaan identiti mereka.

ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan kepada data yang telah dirakamkan dan di analisa, terdapat tiga tema utama iaitu pertama, penggunaan teknologi komunikasi untuk komunikasi mesra. Kedua, faktor-faktor yang menggalakkan penggunaan teknologi komunikasi. Ketiga ialah, kepentingan teknologi komunikasi untuk komunikasi suami isteri. Berikut adalah perbincangan lanjut mengenai ketiga-tiga tema utama tersebut.

1) Penggunaan teknologi komunikasi untuk komunikasi mesra.

Hasil temu bual mendapati majoriti suami atau isteri merupakan *heavy users* telefon bimbit. Ini menunjukkan telefon bimbit sememangnya menjadi alat yang paling popular berbanding lain-lain alat komunikasi seperti telefon talian tetap dan Internet :

...masa baru kahwin, sampailah sekarang kami banyak guna handphone. Di rumah tak ada telefon talian tetap. Saya rasa dah cukup dengan handphone saja. Sebab, lagi banyak ada benda yang berteknologi ni tapi tak betul-betul guna...lagi membazirlah...(Mustaffa)

...saya rasa hidup kami suami isteri lebih bermakna bila ada telefon bimbit berbanding lain-lain teknologi komunikasi... (Razif)

... I dan my husband lebih banyak guna handset. Walaupun masing-masing busy tapi masih sempat berbual-bual. Yang lain-lain tu tak biasa... (Gheeta)

Hasil dari semua temu bual ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa suami isteri menganggap telefon bimbit memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi

antara pasangan seperti sebagai alat memudahkan dan mempercepatkan komunikasi, penghubung dan dapat buat atau terima panggilan. Didapati penggunaan telefon talian tetap dan Internet sangat kurang digunakan untuk tujuan komunikasi bagi pasangan suami isteri.

1.1) Telefon bimbit dapat mempercepatkan dan memudahkan komunikasi

Suami atau isteri menganggap telefon bimbit merupakan alat komunikasi yang dapat memudahkan dan mempercepatkan komunikasi mesra.

... untuk saya dan suami tentulah handphone. Alat ni mudah nak digunakan...kamipun cepat faham dengan message yang disampaikan... (Salmah)

... pakai handphone lebih senang dan cepat nak dihubungi. Saya dapat bawa ke mana saja pergi...sampai ke bilik airpun bawa. Takut ada apa-apa hal penting..terutama hal isteri dan anak saya... (Lee)

... bila ada urusan penting saya cepat-cepat call suami.. tak perlu jumpa. Cukup sekadar guna handset. Selalunya kami cepat dan mudah selesaikan hal rumahtangga melalui handset saja... (Bahiah).

1.2) Sebagai Penghubung

Telefon bimbit juga dianggap sebagai alat penghubung suami isteri terutama apabila masing-masing sedang bekerja atau belajar.

...makkik saya kata masa zaman dulu-dulu susah sungguh nak contact sesiapa pun. Kena tunggu giliranlah...rosaklah...macam-macam lagi. Sekarang dengan sistem telekomunikasi yang canggih ni, dengan handphone saya dapat contact suami saya bila-bila masa saja...(Siti)

...bila saya pergi outstation, handphone akan menjadi alat penghubung yang paling erat antara saya dan isteri... (Peter)

...I bercinta dan akhirnya berkahwin kerana menggunakan teknologi ni juga. Tentu sekali sehingga sekarang ia tetap jadi alat penghubung antara kami berdua bila berjauhan kerana tugas... (Suzan)

1.3) Dapat buat atau terima panggilan

Komunikasi mesra di kalangan suami isteri turut melibatkan proses membuat dan menerima panggilan secara rutin pada setiap hari oleh pasangan.

... saya lebih suka buat dan terima panggilan setiap hari untuk hubungi isteri saya. Banyak kali juga setiap hari. SMS tak berapa bestlah...tak dapat dengar nada suara dia... (Halim)

...Suami saya memang akan call setiap hari di tempat kerja dia. Memang pakai handset...tanya keadaan saya..kerja ok ke, nak makan luar atau nak beli lauk untuk masak...pasal urusan anak-anak dan macam-macam lagilah... (Asmah)

...rasa lega dan padang dada bila dapat call suami bila tengah stres pasal study. Sebelum nak masuk kelas terutama bila nak exam wajib call dia dulu...baru ada semangat... (Ani)

...saya lebih suka buat dan terima panggilan berbanding SMS. Memanglah kos SMS jauh lebih murah...tapi saya melihat dari aspek keselesaan dan lebih cepat faham bila dengar suara seseorang terutama suara suami saya...melalui suara saya akan lebih cepat tahu akan suasana atau perasaan suami saya ketika itu. Lebih touching berbanding sekadar membaca teks SMS saja...(Anita)

2. Faktor-faktor menggunakan teknologi komunikasi

Pasangan suami isteri mempunyai beberapa faktor yang menggalakkan mereka menggunakan teknologi komunikasi. Antaranya, faktor kesuntukan masa, kecemasan, jimat, senang dibawa, mudah digunakan, personal dan banyak komitmen dalam perkahwinan.

2.1) Kesuntukan masa

Suami isteri yang bekerja sering berhadapan dengan masalah tidak mempunyai masa yang cukup untuk bersama-sama secara bersemuka. Lantaran itu, teknologi komunikasi dapat merapatkan hubungan mereka tanpa batasan jarak dan masa.

... balik kerja dah lewat petang, selalu juga kena kerja sampai ke malam. Bila dah balik lewat sangat...tak sempat cakap banyak. Nak bincang-bincang, lagilah tak dapat...penat... (Badri)

... faktor masa memang menjadi punca sebab saya dan isteri guna alat ni. Tambah pula saya sedang belajar sekarang. Tak tentu masa saya ada di rumah. Malam ada kelas, biasanya dalam jam 5.00 petang saya dah ada di fakulti. Sedangkan

isteri saya pulang dari office dalam jam 5.30 petang. Jadi...di situ dah susah nak jumpa... (Fuad)

...suami I selalu kena pergi outstation. I pun selalu balik lewat malam lepas kelas. Kami tak cukup masa nak cakap-cakap berdua... (Suzan)

2.2) Kecemasan dan keselamatan

Faktor kecemasan dan keselamatan turut tidak ketinggalan di kalangan pasangan yang berkahwin. Oleh sebab itu, mereka sentiasa memastikan terdapat alat yang memudahkan mereka menghubungi suami atau isteri mahupun orang lain.

... Waktu kecemasan juga penting bagi saya, kita tak tau bila nak berlaku. Contohnya kalau kereta saya rosak di tengah jalan, senang saya beritahu isteri saya yang saya lambat balik sebab nak baiki kereta dulu...dia tak lah risau atau syak yang bukan-bukan...(Razif)

... Dari segi waktu kecemasan tu tak dapat dinafikan bahawa handset adalah penyelamat paling utama. Saya pernah mengalami tayar pancit dekat Puchong..jalan masa tu agak gelap dan dah jauh malam, hampir tengah malam. Nasib ada handset dapat saya call suami yang kebetulan dia dah ada di rumah dan dia cepat-cepat cari saya, bantu tukarkan tayar kereta saya. Saya tak percaya orang lain...takut kalau ada penjenayah dekat kawasan tu... (Anita)

... kalau ada hal penting atau kecemasan , macam kemalangan ke...tak kira waktu...pada waktu macam tu kos tak penting, yang paling utama ialah berita atau perkara penting tu kita dapat tahu...boleh ambil tindakan segera....tu yang lebih utama... (Fuad)

2.3) Jimat

Dalam perkahwinan pengurusan kewangan yang efisien amat penting dilaksanakan. Atas faktor tersebut, golongan ini perlu bijak memilih dan menggunakan teknologi komunikasi yang berkesan tetapi dalam masa yang sama ia menjimatkan.

... rasanya ia dah memadai...cukup dan tidak membebankan. Dari segi pengurusan, kalau boleh cakap apa yang perlu saja...selebihnya selesaikan secara bersemuka. Jadi bil pun tak melambung...(Mustaffa)

...dengan kadar panggilan istimewa saya dan isteri dapat berjimat lebih 50 peratus berbanding kadar biasa. Lebih jimat bermakna lebih peluang untuk kami menyimpan...(Razif)

...di rumah saya langsung tak ada telefon talian tetap sebab kosnya lebih mahal berbanding talian handset...(Siti)

...I pakai prepaid saja. I guna pakej kadar panggilan istimewa. Ia amat jimat dan berbaloi...(Gheeta)

2.4) Senang dibawa

Faktor saiz yang kecil dan ringan menjadi penarik kepada golongan ini untuk menggunakan teknologi komunikasi khususnya telefon bimbit. Ia mudah untuk dibawa ke mana-mana.

...pakai handphone ni untung. Saiznya kecil dan ringan...sedang elok dengan poket seluar saya ni. Mudah dibawa ke mana saja...(Lee)

...dalam beg tangan ni macam-macam benda kena bawa. Semuanya penting dan peribadi. Sebab itulah saya perlukan alat komunikasi yang kecil dan mudah dibawa...macam handset ni...(Anita)

...I sangat sibuk dengan kerja dan study. Kena ke sana sini setiap hari. Jadi I amat perlukan alat komunikasi yang mudah dibawa...(Suzan)

...benda yang lebih kecil, ringan dan dapat dibawa ke mana saja tentulah handphone. Walaupun Messenger daripada internet lebih canggih dan murah tapi ia tak boleh dibawa merata-rata...nak pakai GPRS...Internet dalam handphone ni lecehlah...jarang guna. Isteri sayapun tak biasa dengan semua tu. Buat apa saya nak guna...(Fuad)

2.5) Mudah digunakan

Penggunaan teknologi komunikasi yang canggih tetapi rumitkan tidak akan menarik minat pasangan suami isteri untuk menggunakannya. Telefon bimbit menjadi pilihan utama golongan ini kerana cara penggunaan dan aplikasinya lebih mudah serta ringkas berbanding lain-lain teknologi komunikasi. Hal ini berikutan mereka tidak mahu dibebani oleh penggunaan alat perantaraan yang terlalu kompleks.

...susahlah nak guna internet. Saya tak berapa biasa dan cekap nak gunakannya...kena belajar banyak cara. Tak nak peningkan kepala sebab banyak lagi urusan rumahtangga dan kerja yang perlu diselesaikan...(Kim)

...saya lebih suka handset sebab ia mudah dipelajari dan senang digunakan. Anak saya yang baru empat tahunpun tahu menggunakannya...(Suzan)

...saya ni bukannya muda lagi. Dah susah nak belajar benda-benda baru dan terlalu kompleks. Isteri sayapun sama juga. Kami selesa dengan alat komunikasi yang senang kami faham cara nak menggunakannya. Setakat buat dan jawab panggilanpun jadilah...(Halim)

2.6) Personal/peribadi

Tidak dinafikan bahawa hubungan suami isteri lebih bersifat peribadi. Mereka saling berkongsi rahsia antara satu sama lain. Ini menggambarkan jalinan perhubungan yang dibina oleh mereka adalah sesuatu yang istimewa dan mesra.

... handphone lebih privacy dan dapat guna secara personal. Orang lain susah nak tengok-tengok apa yang saya simpan dalam inbox message saya...rahsia... (Lee)

...hubungan saya dan isteri menjadi lebih mesra dan erat kerana menggunakan telefon bimbit yang sememangnya bersifat peribadi...(Badri)

...saya tidak akan pakai talian telefon di pejabat walaupun ianya percuma kerana perbualan saya dengan isteri terlalu peribadi. Saya hanya akan menggunakan handphone untuk bercakap dengan isteri saya...(Fuad)

2.7) Faktor banyak komitmen dalam perkahwinan

Ikatan perkahwinan memerlukan komitmen yang tinggi oleh pasangan suami isteri. Teknologi komunikasi khususnya telefon bimbit berupaya menjadi faktor ini pembantu dalam melancarkan aktiviti harian sesebuah keluarga.

...sejak guna handset ni saya rasa komitmen dan tanggungjawab terhadap rumahtangga berjalan dengan lebih lancar dari sebelumnya. Kalau ada apa-apa masalah..saya dapat tahu dengan cepat dan segera ambil tindakan... (Halim)

...bukan mudah nak tunjukkan komitmen yang sepenuhnya kepada isteri. Tapi bila saya dapat hubungi dia selalu secara tak langsung saya dah buktikan bahawa perhatian dan kasih saya hanya pada dia seorang... (Peter)

...bila dah ada handset ni saya dapat beri komitmen sepenuhnya terhadap tugas sebagai isteri dan ibu dalam family walaupun sibuk dengan kerja... (Bahiah)

3. Kepentingan teknologi komunikasi untuk komunikasi suami isteri.

Teknologi komunikasi sangat penting bagi pasangan untuk berkomunikasi pada setiap hari. Antaranya adalah sebagai sumber maklumat, pengganti diri, dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab seriat sebagai keperluan emosi dan kasih sayang.

3.1 Sebagai Sumber Maklumat

Teknologi komunikasi juga dianggap oleh suami isteri sebagai sumber maklumat. Mereka sering merujuk tentang kesahihan sesuatu perkara dengan pasangan mereka menerusi telefon bimbit.

... melalui e-mel dia selalu hantar bahan-bahan atau info yang menarik untuk saya. Dia tahu saya suka benda-benda hiasan dalaman kediaman atau pejabat...jadi bila terjumpa dalam internet dia akan e-mel kepada saya... (Anita)

...kadang-kadang tu kita nakkan kepastian yang lebih jelas pasal sesuatu perkara. Kalau kredit tak cukup, SMS pun jadilah...asalkan saya dapat maklumat segera dari suami saya...(Siti)

...saya dan isteri selalu bertukar-tukar maklumat pasal study...tak kiralah sama ada melalui handset atau internet...(Badri)

3.2 Sebagai Pengganti Diri

Disebabkan masing-masing tidak cukup masa dan sibuk dengan tugas harian hal ini menyebabkan mereka menjadikan telefon bimbit sebagai pengganti diri pasangan.

...kalau suami saya terpaksa outstation saya anggap handphone sebagai pengganti diri suami saya. Walaupun berjauhan pada masa tu, kami tau apa yang berlaku... (Asmah)

...sejak sebelum kahwin sehingga sekarang handset adalah pengganti diri saya dan isteri. Apa boleh buat kami setiap hari busy dengan kerja dan study...(Kim)

...kalau dah tak dapat bersemuka selalu, dapat cakap dalam telefonpun jadilah...rasa macam dia ada di samping saya... (Razif)

3.3 Sebagai Pembantu Laksanakan Amanah dan Tanggungjawab

Tanggungjawab dan amanah merupakan perkara wajib yang perlu dilaksanakan oleh suami isteri. Teknologi komunikasi banyak membantu mereka bagi melaksanakan peranan tersebut.

...hal anak-anaklah yang jadi agenda utama. Pasal pelajaran, tuisyen...apa-apa problem yang timbul saya dapat tahu segera dan tindakbalas sayapun cepat...tak suka biar problem walaupun kecil ditangguh...lama-lama boleh jadi masalah besar... (Mustaffa)

...Anak bongsu saya selalu tak sihat..sakit asma. Tu yang sering merisaukan kami. Dalam tiga empat bulan ni kerap jugalah dia masuk hospital..untuk rawatan lanjut. Kalau ada apa-apa hal senenglah pusat jagaan anak saya tu call. Boleh cepat saya dan isteri ke sana... (Fuad)

... sebelum bertolak balikpun dia akan call dulu. Selalunya sebelum pulang ke rumah dia akan tanya nak makan di luar atau di rumah...atau apa-apa barang nak dibelikan, boleh dia singgah di kedai untuk belikan. Melalui panggilan dan SMSlah yang memudahkan kami pikul amanah dan tanggungjawab rumahtangga...(Anita)

3.4 Sebagai Sumber Keperluan emosi dan kasih sayang

Kasih sayang dan keperluan emosi menjadi agenda penting dalam membina komunikasi mesra pasangan suami isteri. Tanpanya, ikatan perkahwinan akan hambar dan membosankan.

... sekali-sekala saya cuba luahkan rasa sayang kepada isteri. Memang komunikasi bersemuka paling utama dalam hubungan kami. Tapi kena ada cara lain juga untuk luahkannya...taklah boring dengan perkara biasa sahaja. Ada juga saya hantar mesej bergambar dan lagu-lagu istimewa untuk dia. Memang berkesan...dia sentiasa ingat hal tu... (Badri)

... dari segi emosi ...saya rasa ada juga pengaruhnya, bila kita nak pastikan yang apa kita katakana tu membuktikan kesetiaan dan kejujuran terhadap pasangan...(Fuad)

...ada pentingnya juga handset ni. Kadang-kadang saya hantar SMS pada dia...pada hari-hari istimewa, hari lahir atau bila dia capai sesuatu kejayaan. Happy betul dia, siap simpan SMS saya yang dulu-dulu sehingga sekarang...(Siti)

4. Teknologi Komunikasi Tidak Akan Dapat Menggantikan Komunikasi Bersemuka di Kalangan Suami Isteri

Hasil analisis kajian ini turut mendapati bahawa penggunaan teknologi komunikasi tidak mungkin dapat menggantikan komunikasi bersemuka. Ia hanya berfungsi sebagai media perantaraan yang menyalurkan maklumat di kalangan pasangan.

...saya anggap komunikasi bersemuka ni sebagai asas utama dalam rumahtangga. Macam mana sibuk sekalipun elok saya tunjukkan yang saya sentiasa ambil berat pasal isteri saya secara bersemuka, ia lebih berkesan... (Halim)

... Tapi tak dapat disangkal bahawa cara lain yang lebih berkesan ialah komunikasi bersemuka. Dapat lihat wajah, gerak tubuh, nada suara lebih neutral...message tu lebih tepat dan senang untuk difahami....apatah lagi dengan sentuhan, ransangan dan perhatian yang diberikan oleh pasangan..ini tak mungkin dapat dirasai melalui alat komunikasi...(Anita)

... tentulah bersemuka lebih baik dan selesa bagi suami isteri untuk berkomunikasi, lebih terbuka...rasa yakin dan percaya pada apa yang nak dibincangkan... (Lee)

5. Makna Komunikasi Mesra Bagi Suami Isteri

Kajian ini juga tidak ketinggalan berjaya mendapatkan pandangan dan pendapat di kalangan suami isteri mengenai makna komunikasi mesra dalam kehidupan mereka. Para informan mentafsirkan makna komunikasi mesra mengikut kacamata, luahan kata hati dan berlandaskan pengalaman berumah tangga melebihi tempoh lima tahun.

...pada pendapat saya, komunikasi mesra ialah apa-apa bentuk komunikasi yang dibentuk secara membina, positif, wujud persefahaman, tolak ansur dan meluahkan atau menggambarkan rasa sayang terhadap pasangan tanpa batasan. Kalau ada konflikpun, cuma yang ringan-ringan, tak berlanjutan dan ia diselesaikan dengan kadar segera...(Razif)

... yang dikatakan komunikasi mesra ialah bila pasangan tu ada persefahaman baik, boleh tolak ansur dalam perbincangan untuk ambil apa-apa keputusan. Selain tu, ia menggambarkan hubungan yang sangat rapat, masing-masing tahu apa yang pasangan suka atau tidak, pandai jaga hati dan selalu cuba eratkan lagi rasa kasih terhadap pasangan...(Salmah)

... yang dikatakan mesra tu...tak hanya melibatkan rasa kasih sayang antara suami isteri tapi...mesra dan intim di mana suami isteri sama-sama saling menghormati, mempercayai, dan bertanggungjawab melaksanakan tugas masing-masing terutama untuk keluarga sehingga ke akhir hayat...(Mustaffa)

Suami Isteri, Teknologi Komunikasi Dan Perkembangan Teori Penerimaan Teknologi

Daripada beberapa tema yang diperoleh dari data, ianya boleh dikelaskan tiga kategori utama. Suami atau isteri yang ditemu bual memberikan beberapa alasan mengapa mereka gemar menggunakan telefon bimbit sebagai teknologi komunikasi:

- i. Telefon bimbit lebih mudah digunakan berbanding lain-lain teknologi komunikasi.
- ii. Telefon bimbit mempercepatkan dan memudahkan komunikasi.
- iii. Telefon bimbit sebagai penghubung.

Individu yang telah berkahwin melebihi lima tahun ini juga membincangkan tentang faktor-faktor menggunakan teknologi komunikasi khususnya telefon bimbit. Daripada beberapa tema yang diperoleh dari data tersebut di atas, ianya dapat dikelaskan kepada beberapa kategori utama iaitu:

- i. Telefon bimbit diguna kerana suami isteri kesuntukan masa.
- ii. Telefon bimbit diguna kerana kecemasan dan keselamatan.
- iii. Telefon bimbit diguna kerana ia jimat.
- iv. Telefon bimbit diguna kerana teknik penggunaan dan aplikasinya mudah.
- v. Telefon bimbit diguna kerana ia lebih mudah dibawa ke mana sahaja.
- vi. Telefon bimbit lebih bersifat peribadi/personal.
- vii. Telefon bimbit dapat meningkatkan komitmen dalam perkahwinan.

Dari segi kepentingan teknologi komunikasi untuk komunikasi mesra oleh suami isteri dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

- i. Sebagai sumber maklumat.
- ii. Sebagai pengganti diri.
- iii. Sebagai pembantu untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab rumah tangga.
- iv. Sebagai sumber keperluan emosi dan kasih sayang.


Sesuai dengan kajian ini yang berbentuk induktif, kajian ini telah mengukuhkan lagi konstruk yang terdapat dalam Model Penerimaan Teknologi atau Technology Acceptance Model (http://www.sciencedaily.com/encyclopedia/technology_acceptance_model). Model ini adalah adalah hasil langsung dari perkembangan *Teori of Reasoned Action* yang dipelopori oleh Ajzen dan Fishbein. Model Penerimaan Teknologi ini pula dipelopori oleh Fred Davis dan Richard Bagozzi dalam tahun 1987 (Bagozzi, et al., & Davis et al.) di http://www.wikipdia.g/Tchnlogy_accetance_model). Teori Penerimaan Teknologi menggantikan *Teori of Reasoned Action* dari segi ukuran sikap dengan dua alasan mengapa sesuatu teknologi diterima oleh seseorang individu atau sesebuah kumpulan masyarakat.

Teori ini seterusnya menggariskan dua sebab mengapa sesuatu teknologi akan diterima oleh orang lain. 1) Ianya mudah digunakan, dan 2) Ianya sangat penting dan berguna. Alasan pertama membawa maksud bahawa sesuatu teknologi itu akan diterima apabila ianya mudah digunakan. Ianya bolehlah diaplikasikan kepada semua jenis

teknologi dalam semua bidang meskipun teori ini pada asalnya dirujuk kepada teknologi maklumat.

Dari konstuk baru yang dikemukakan, teori ini telah berjaya dikembangkan oleh Siti Zobidah dan Mariah (2004) daripada model yang sedia ada tentang penerimaan teknologi. Kajian tersebut yang berjudul "Memahami Makna Telefon Bimbit Kepada Remaja" telah berjaya menambahkan lagi sekurang-kurangnya dua alasan lain mengapa sesuatu teknologi baru itu diterima oleh individu dan masyarakat. Kedua-dua alasan baru itu ialah; 1) Jika kosnya munasabah, dan 2) Ianya dapat memenuhi keperluan fizikal, emosi dan intelektual.

Pembentukan konstruk baru bagi model ini boleh digambarkan di dalam gambar rajah di bawah ini:



(Gambar rajah 1)

Siti Zobidah Omar dan Mariah Muda. *Memahami makna telefon bimbit kepada remaja*. Kertas

kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Komunikasi Kedua 2004, Hotel City Bayview, Pulau Langkawi: 18-19 Disember 2004.

Dari dua konstruk baru ini juga, model ini boleh difahami bahawa sesuatu teknologi itu akan diterima oleh manusia jika ianya boleh digunakan dengan kos yang munasabah dan berupaya memenuhi kehendak fizikal, emosi dan intelektual.

PENUTUP

Kertas kerja ini membincangkan tentang penggunaan teknologi komunikasi sebagai media perantaraan untuk komunikasi mesra dalam perkahwinan. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan pendekatan fenomenologi. Sebanyak limabelas orang suami atau isteri telah ditemubual secara mendalam berdasarkan soalan separa-struktur dan soalan terbuka yang telah diuji sebelumnya. Pengkaji telah membuat berbagai-bagai teknik *probing* semasa temubual dijalankan

untuk memastikan *informants* berupaya meluahkan pengalaman mereka yang sebenar dari segi penggunaan teknologi komunikasi khususnya telefon bimbit dalam kehidupan seharian mereka. Jangka masa temubual bagi setiap *informants* ialah dalam tempoh satu jam di mana selepas *informant* ke limabelas ditemubual, pengkaji mendapati data yang diperolehi sudah tepu dan *exhaustive*. Temubual dirakam, ditranskripsi, dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik.

Terdapat beberapa tema berjaya dikenalpasti dari kajian ini. Ianya dikategorikan kepada beberapa tema utama seperti telefon bimbit didapati sangat popular di kalangan suami isteri berbanding lain-lain teknologi seperti telefon talian tetap dan Internet. Penggunaan telefon bimbit amat menyenangkan, mudah digunakan, senang dibawa ke mana-mana, menghiburkan, kosnya munasabah, banyak faedahnya, dapat berhubung dengan pasangan, dan sebagainya. Sesuai dengan kajian ini yang bersifat induktif, hasilnya berjaya memperkembangkan *Teori Penerimaan Teknologi* yang dipelopori oleh Fred Davis dan Richard Bobagozzi pada tahun 1987. Di dalam teori tersebut, dinyatakan bahawa sesuatu teknologi baru akan mudah diterima masyarakat sekiranya *ia mudah digunakan* dan *ianya sangat penting dan berguna*. Kajian ini telah mengukuhkan lagi dua konstruk baru yang diperkenalkan oleh Siti Zobidah dan Mariah (2004) iaitu sesuatu teknologi akan senang diterima oleh masyarakat jika *kosnya munasabah* dan *ia dapat memenuhi kehendak emosi, intelektual dan fizikal penggunaanya*.

RUJUKAN

- Brodsky, Ira. (2010). *Wireless the revolution in personal telecommunication*. Artech House. Boston.
- Burleson, B. R., Kunkel, A. W., Samter, W. & Werking, K.J. (1996). *Men's and Women's evaluating of communication skills in personal relationships: when sex differences make a difference*. Journal of Social and Personal Relationships, 13, (m.s.201-224).
- Ezzy, Douglas (2002). *Qualitative Analysis: Practice and Innovation*. New South Wales: Routledge.
- Gehris, Dennies O. ; Szul, Linda F. (2009). *Communication technologies*. Prentice Hall. USA.
- Gottman, J. M. (1979). *Marital interaction: Experimental investigations*. Academic Press. New York.
- Griffin, E.M. (2003). *A First Look at Communication Theory (5th. Edition)*.: McGraw Hill. New York
- Kajian Penggunaan Telefon Bimbit 2005. (2012). Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kuala Lumpur.
- Kathleen, M. Galvin, Carma, L. Bylund & Bernard, J. Brommel. (2009). *Family communication: cohesion and change*. (7th ed.). Pearson. USA.
- Mark, L. K. & Judith, A. H. (2006). *Nonverbal communication in human interaction*. (6th ed.). Thomson. Canada.
- Meriam, Sharan, B. (1998). *Qualitative Research and Case Study*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

- Milnes, M.D. (2001). *Wireless Telephony: Cellular, PCS, and MSS*. Di dalam *Communication Technology Update*. AE Grant et al (penyunting). Focal Press. Boston.
- Musa Abu Hassan. (2002). *Keperluan-keperluan ke Arah Mewujudkan K-Keluarga*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Teknologi Maklumat: Pembangunan Keluarga dan Masyarakat. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kuala Lumpur.
- Siti Zobidah Omar. (2000). *Domestic Communication Technology and Gender: Malay Women Use of Telephone*. Tesis Doktor Falsafah. Department of Cultural and Sociology, Universiti of Birmingham, United Kingdom, Tidak diterbitkan.
- Science Daily. *Technology Acceptance Model*.(2004).[Kedapatan:http://www.sciencedaily.com/encyclopedia/technology_acceptance_model] Dicapai pada 14 Jun 2012.
- Siti Zobidah Omar dan Mariah Muda. *Memahami makna telefon bimbit kepada remaja*. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Komunikasi Kedua 2004, Hotel City Bayview, Pulau Langkawi: 18-19 Disember 2004.
- Technology Acceptance Model*.(2004) [Kedapatan:http://en.wikipedia.org/wiki/Technology_acceptance_model] Dicapai pada 16 November 2011.
- Wallerstein, J., & Blakeslee, S. (2009). *The good marriage*. Houghton Mifflin. Boston.